

12.1.2 Menyatakan pencapaian Malaysia dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

K12.1.5 Menjelaskan kepentingan penglibatan pelbagai kaum mengharumkan nama negara dalam bidang sukan.

Saya merupakan tokoh sukan negara. Siapakah saya? (TP 2)

Nurul Huda Abdullah Ch' Shu Lin	Rabuan Pit	Datuk Nicol Ann David	Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan
Pandelela Rinong Anak Pamg	Shalin Zulkifli	Datuk Lee Chong Wei	Datuk Abdul Malek Mohamed Noor

1. Saya pemain skuasy nombor satu dunia. Saya menjuarai Piala Skuasy Terbuka Dunia dari 2008 – 2011 dan 2014.

2. Saya atlet sukan terjun papan anjal wanita. Saya mendapat pingat gangsa dalam Sukan Olimpik pada tahun 2012.

3. Saya atlet bina badan yang pernah memenangi gelaran "Mr Asia" dari tahun 1985 hingga 1991.

4. Saya ratu boling yang banyak mencapai kejayaan cemerlang dalam pertandingan peringkat antarabangsa.

5. Saya atlet renang wanita negara. Saya mendapat 8 pingat emas dalam acara renang dalam Sukan SEA 1989 di Kuala Lumpur.

6. Saya pemain nombor satu dunia dalam acara badminton. Saya ialah juara Kejohanan Terbuka ALL England pada tahun 2011 dan 2014.

7. Saya atlet pecut negara. Saya pernah memenangi piala emas dalam acara 100 m dan pingat gangsa dalam acara 200 m dalam Sukan Asia 1982.

8. Saya merupakan legenda sukan pecut negara dan antarabangsa. Saya atlet pertama yang layak bertanding dalam kejohanan Olimpik pada tahun 1964 dan 1968.